

19 MAY 1997

PAHANG PEROLEHI 10 PERATUS EKUITI DALAM MEC

KUANTAN, 19 Mei (Bernama) -- Kerajaan Negeri Pahang memperolehi ekuiti 10 peratus dalam projek Malaysia Electric Corporation (MEC) membabitkan pelaburan RM750 juta, kata Menteri Besar Tan Sri Khalil Yaakob hari ini.

Semasa ditemui pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian antara Telekom Malaysia dengan MEC Industrial Park Sdn Bhd di sini, beliau berkata peratus pemilikan saham dan kaedah-kaedah penyertaan itu dicapai hasil rundingan antara kerajaan negeri dengan MEC.

Katanya, persetujuan mengenai pemilikan saham kerajaan dalam syarikat berkenaan dibuat baru-baru ini dan beliau berpuas hati dengan pegangan ekuiti 10 peratus itu.

Projek MEC City yang sedang dibangunkan dalam lima fasa di kawasan perindustrian Gambang di sini, membabitkan kawasan seluas 1,200 hektar.

Terletak kira-kira 30 km dari sini, ia merupakan pusat bagi pengeluaran barangan elektrik isi rumah buatan Malaysia untuk pasaran tempatan dan antarabangsa. Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melancarkannya pada 17 Mac lepas dan pembinaan akan mengambil masa antara 10 dan 15 tahun.

Khalil menjangkakan banyak usahawan kelas menengah dapat diwujudkan menerusi program vendor yang dijalankan oleh MEC, umpamanya bagi menghasilkan komponen-komponen yang diperlukan bagi pembuatan barangan elektrik itu.

Bagaimanapun, katanya kerajaan negeri akan mengenal pasti mereka yang berwibawa dan menepati kriteria tertentu sebelum diberikan peluang menyertai program vendor berkenaan.

Sebelum itu, beliau menyaksikan majlis menandatangani perjanjian bagi mewujudkan prasarana dan kemudahan telekomunikasi untuk projek MEC City antara Ketua Pegawai Operasi, Telco Telekom Malaysia Dr Abdul Rahim Daud dengan Presiden MEC Berhad Datuk Seri Teong Teck Leng.

Di bawah perjanjian itu, Telekom Malaysia memperuntukkan RM50 juta bagi mereka bentuk, merancang dan memasang prasarana semua kemudahan telekomunikasi di MEC yang dijangka siap pada tahun 2012.

Prasarana telekomunikasi itu termasuk kabel gentian optik yang dapat menampung keluasan komunikasi multimedia yang membolehkan MEC City muncul sebagai bandar baru pertama di Pantai Timur yang dilengkapi kemudahan Teknologi Maklumat dan dihubungkan terus ke Koridor Raya Multi Media di Lembah Klang. -- BERNAMA

ROS SIA